

12/09/1999

Graduan sulung UMS terima ijazah

Lichong Angkui

KOTA KINABALU: Seramai 648 graduan sulung Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima ijazah masing-masing daripada Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai selaku Canselor UMS, dalam majlis konvoquesyen pertamanya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, pagi semalam.

Daripada jumlah itu, 640 menerima ijazah pertama, enam ijazah Sarjana dan dua ijazah Doktor Falsafah.

Majlis penganugerahan gilang-gemilang diadakan dalam dua sesi pagi dan petang, sekali gus mencatat sejarah dalam bidang pendidikan di Sabah sejak UMS ditubuhkan pada November 1994.

Sesi pagi bermula dengan perarakan masuk graduan, disusuli ahli akademik dan Senat serta Canselor bersama Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Abdul Hamid Egoh; Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam.

Sebelum majlis penganugerahan ijazah bermula, Dr Abu Hassan mengumumkan perisytiharan pelantikan Sakaran sebagai Canselor, diikuti ucapan wakil universiti tempatan dan lapan universiti luar negara.

Ibu bapa dan saudara-mara graduan berkumpul di pekarangan DUN Sabah seawal jam 7 pagi untuk menyaksikan upacara bersejarah itu.

Penubuhan UMS diluluskan Parlimen pada 24 November 1994 sebagai memenuhi janji Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pilihan raya umum tahun yang sama.

Selain kampus tetap di Teluk Sepanggar, dekat sini, UMS juga membuka cawangan di Pulau Labuan dikenali Kampus Antarabangsa Labuan pada 2 Januari lalu.

Dalam ucapannya, Sakaran mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah di atas kejayaan graduan sulung UMS itu dan yakin ia adalah hasil daripada usaha gigih sepanjang mengikuti pengajian.

Menurutnya, konvoquesyen itu bukan saja penting dan bersejarah kepada graduan, tetapi ia adalah satu catatan sejarah penting kepada negeri Sabah, khususnya dalam bidang pendidikan tinggi.

Sambil berharap UMS menjadi jambatan penghubung silaturahim antara rakyat Malaysia di Sabah dengan mereka dari Semenanjung dan Sarawak, beliau juga mahu ia menjadi katalis pembangunan negara dan serantau berikutan kedudukan strategik Sabah dalam Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

"UMS sebagai pusat kecemerlangan ilmu harus tampil memainkan peranan secara proaktif bagi merealisasikan agenda perdana yang disusun dalam BIMP-EAGA," katanya.

Terdahulu Dr Abu Hassan dalam ucapannya menyifatkan konvoquesyen itu sebagai bukti kegigihan warganya mencapai moto 'Bertekad Cemerlang' dan yakin ia mampu melahirkan pemimpin negara berwibawa dan berkarisma tinggi.

"Keyakinan ini diperkukuhkan dengan wujudnya prasarana pendidikan terbaik yang menyokong potensi UMS sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang canggih, setanding institusi pengajian tinggi lain," katanya.

Ketika ini, katanya, UMS menawarkan 46 program menerusi 10 sekolah serta beberapa pusat dan unit penyelidikan.

Setakat pertengahan sesi akademik 1999/2000, UMS mempunyai 4,400 penuntut prasiswazah, manakala peringkat pengajian pasca siswazah (220), Ijazah Sarjana (151) dan Ijazah Doktor Falsafah (69).

(END)